



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL : 03/2022
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENYELARASAN TADBIR URUS DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DALAM FASA ENDEMIK
COVID-19**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan mengenai beberapa perkara berkaitan penyelarasan tadbir urus dan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam fasa endemik seperti berikut:

1. KEHADIRAN KE TEMPAT KERJA

- 1.1. Kehadiran pegawai dan kakitangan yang bertugas di tempat kerja secara fizikal di setiap Kementerian dan Jabatan adalah **dikembalikan semula seperti biasa**, iaitu **100%** dari **jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan**.
- 1.2. Kaedah *work-from-home* (WFH) adalah tidak lagi diperaktikkan.
- 1.3. **Semua pegawai dan kakitangan kecuali yang mempunyai kod Bruhealth Ungu** adalah dikehendaki untuk kembali bertugas, **tanpa mengira status vaksinasi**, termasuk yang bertugas di kaunter perkhidmatan dan petugas barisan hadapan (*frontliners*).
- 1.4. Pegawai dan kakitangan Kerajaan yang mempunyai **kod Bruhealth Merah** adalah juga dikehendaki untuk kembali bertugas secara fizikal dengan memastikan keputusan ujian saringan ART adalah negatif setiap hari sebelum bertugas iaitu di sepanjang tempoh mereka sepatutnya menjalani kuarantin.

2. KAUNTER PERKHIDMATAN

- 2.1. Kaunter-kaunter perkhidmatan di Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan adalah dibuka dengan **kapasiti penuh (seperti biasa)** sebagaimana mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* Kementerian Kesihatan dan mengikut ketetapan Jawatankuasa Pandu COVID-19.

A handwritten signature in blue ink, appearing to read 'J. S.'. It is located at the bottom right of the page, next to the page number.



3. PERKUMPULAN RAMAI BAGI ACARA KERAMAIAH DI TEMPAT KERJA

- 3.1. Perkumpulan ramai yang dibenarkan adalah **kapasiti penuh tempat perkumpulan atau had maksima** mengikut ketetapan Jawatankuasa Pandu COVID-19 **yang dikeluarkan dari masa ke semasa**, yang mana jumlah ini adalah jumlah keseluruhan orang yang hadir dalam acara tersebut.
- 3.2. Kementerian dan Jabatan juga adalah dikehendaki untuk sentiasa mematuhi SOP dan garispanduan Kementerian Kesihatan yang berkuatkuasa berhubung dengan perkumpulan ramai dan langkah-langkah penjarakan fizikal dan sosial dari masa ke semasa.

4. UJIAN ANTIGEN RAPID TEST (ART)

- 4.1. Semua pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah dikehendaki untuk mengambil ujian saringan ART secara berjadual mengikut ketetapan Jawatankuasa Pandu COVID-19.
- 4.2. Ketua Jabatan hendaklah memastikan maklumat berkaitan dengan penjadualan dirancang selaras dengan ketetapan Jawatankuasa Pandu COVID-19.
- 4.3. Kos kit ART akan ditanggung oleh pihak majikan masing-masing.

5. PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN KELUAR NEGERI

- 5.1. Tegahan keluar negeri bagi warga Perkhidmatan Awam adalah tidak lagi berkuatkuasa.
- 5.2. Warga Perkhidmatan Awam yang berhasrat untuk keluar negeri mestilah mendapatkan kebenaran pihak Ketua Jabatan/ Setiausaha Tetap terlebih dahulu seperti lazimnya selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) (*General Order*). 8
- 5.3. Warga Perkhidmatan Awam dikehendaki untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan dengan kesahan insurans bagi keseluruhan tempoh perjalanan.



- 5.4. Tempoh pengasingan diri (*self-isolation*) bagi warga Perkhidmatan Awam yang baru sahaja pulang ke Negara Brunei Darussalam dari luar negeri atas urusan peribadi akan ditolak daripada hak kelayakan Cuti Tahunan masing-masing. Permohonan cuti Warga Perkhidmatan Awam hendaklah mengambilkira tempoh pengasingan diri (*self-isolation*).
- 5.5. Manakala tempoh pengasingan diri (*self-isolation*) tidak akan ditolak daripada hak kelayakan Cuti Tahunan bagi perkara-perkara berikut:
 - 5.5.1 Warga Perkhidmatan Awam yang pulang ke Negara Brunei Darussalam dari luar negeri atas urusan rasmi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - 5.5.2 Warga Perkhidmatan Awam yang bertugas di luar negeri termasuk yang menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) dan kembali ke Negara Brunei Darussalam atas pembiayaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaras dengan kemudahan-kemudahan yang dihulurkan kepadanya seperti Tambang Perkhidmatan 18 bulan dan seumpamanya.
- 5.6. Kehadiran bertugas bagi warga Perkhidmatan Awam yang kembali daripada negara-negara luar dalam tempoh pengasingan diri (*self-isolation*) adalah selaras dengan ketetapan Jawatankuasa Pandu COVID-19 berkaitan dengan tempoh pengasingan diri.
- 5.7. Kos penginapan semasa tempoh pengasingan diri (*self-isolation*) di hotel bagi warga Perkhidmatan Awam yang kembali dari luar negeri atas urusan peribadi adalah ditanggung oleh mereka sendiri.
- 5.8. Kos penginapan semasa tempoh pengasingan diri (*self-isolation*) di hotel bagi warga Perkhidmatan Awam yang kembali dari luar negeri atas urusan rasmi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah ditanggung oleh kerajaan.



6. UMUM

- 6.1. Kementerian dan Jabatan adalah dikehendaki pada setiap masa untuk mematuhi garispanduan dan SOP Kementerian Kesihatan berhubung langkah-langkah penjarakan fizikal, pemakaian sungkup muka di tempat-tempat awam, pemantauan sanitasi dan kebersihan tempat kerja serta mana-mana nasihat Kementerian Kesihatan untuk sama-sama mengawal penularan jangkitan COVID-19.
- 6.2. Mana-mana warga perkhidmatan awam yang gagal mematuhi arahan kuarantin, pengasingan diri (*self isolation*), gagal membuat pengistiharan atau membuat pengistiharan yang tidak benar (*false declaration*) yang boleh membahayakan orang ramai, maka pihak berwajib akan mengambil tindakan undang-undang yang berkuatkuasa pada masa ini.
- 6.3. Sebarang perubahan arahan dan pengemaskinian nasihat kesihatan berkaitan pengawalan penularan wabak COVID-19 dan juga pengumuman atau perkembangan terkini daripada Jawatankuasa Pandu COVID-19 melalui kenyataan media di sepanjang fasa endemik akan dikemaskinikan melalui Garispanduan Jabatan Perdana Menteri.
- 6.4. Dengan ini Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri dan garis panduan-garis panduan yang berkaitan yang dikeluarkan sebelum ini adalah dibatalkan seperti berikut:
 - 6.4.1 Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 06/2020, Garis Panduan Pengawalan Dan Menangani Pandemik Covid-19 Bagi Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam;
 - 6.4.2 Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 08/2020, Pengemaskinian Garis Panduan Langkah Pengawalan dan Menangani Jangkitan COVID-19 bagi Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam;
 - 6.4.3 Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 09/2021, Vaksinasi COVID-19 Mandatori Bagi Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Awam yang Bertugas Sebagai Petugas Barisan Hadapan (*Frontliners*) di Negara Brunei Darussalam;



- 6.4.4 Pengemaskinian Garis Panduan Langkah Pengawalan Dan Menangani Jangkitan COVID-19 Bagi Perkhidmatan Awam Selaras Dengan Pelaksanaan Rangka Kerja Pemulihan Kebangsaan COVID-19 Negara Brunei Darussalam bilangan rujukan: JPM/SUT/PA/U/124 bertarikh 06 Rabiulakhir 1443 bersamaan 11 November 2021;
 - 6.4.5 Garis Panduan Bagi Premis Dan Kaunter Pejabat Kerajaan Semasa Fasa Awal Endemik bilangan rujukan: JPM/SUT/PA/U/124 bertarikh 08 Jamadilawal 1443 bersamaan 13 Disember 2021;
 - 6.4.6 Garis Panduan Vaksinasi COVID-19 Mandatori Bagi Warga Perkhidmatan Awam Yang Bertugas Sebagai Petugas Barisan Hadapan (Frontliners) Di Negara Brunei Darussalam bilangan rujukan: JPM/SUT/PA/U/124 bertarikh 09 Rejab 1443 bersamaan 10 Februari 2022; dan
 - 6.4.7 Garis Panduan Prosedur Operasi Tetap (SOP) Bagi Warga Perkhidmatan Awam Yang Mempunyai Kod Bruhealth Merah bilangan rujukan: JPM/SUT/PA/U/124 bertarikh 13 Rejab 1443 bersamaan 14 Februari 2022.
7. Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai 25 April 2022.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Al-Qur'an Dijunjung Al-Hadits Disanjung Titah Didukung"

(MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (3) JPM/SK/2022
Tarikh : **21** Ramadhan 1443 / **23** April 2022